

FORMULA KEJAYAAN MALAYSIA TANGANI COVID-19

Nurul Syafiqah binti Suhaili, 1171199,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Setelah berbulan-bulan bertungkus-lumus menangani pandemik COVID-19, usaha Malaysia membuahkan hasil.

Seperti negara-negara lain, Malaysia juga melakukan pelbagai inisiatif untuk memastikan keselamatan rakyat terjamin semasa virus ini menular.

Apakah faktor yang menjadikan Malaysia berjaya memastikan kadar penularan COVID-19 tidak naik secara mendadak?

Faktor utama yang tentunya sangat memberi kesan kepada kejayaan negara ini adalah usaha gigih Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Bukan mudah untuk menenangkan setiap rakyat yang dilanda kebimbangan dijangkiti COVID-19 yang boleh membawa maut.

Ucapan Muhyiddin yang tenang dan menenteramkan seperti seorang bapa menarik perhatian rakyat Malaysia untuk bekerjasama dan saling membantu dalam usaha memerangi pandemik ini.

Di samping itu, kegigihan petugas-petugas barisan hadapan juga perlu diiktiraf oleh masyarakat.

Bukan mudah untuk menangani kerenah sebahagian rakyat yang degil dan tidak mahu memberi kerjasama sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.


Petugas-petugas barisan hadapan juga berdepan risiko jangkitan virus yang tinggi kerana selalu berada dekat dengan pesakit dan orang ramai.

Pada masa yang sama, ketokohan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memang tidak dapat dinafikan.

Beliau terkenal kerana memainkan peranan yang luar biasa dalam memimpin kakitangan Kementerian Kesihatan memerangi wabak COVID-19.

Beliau juga berusaha mengemas kini dan menyebarkan maklumat kepada umum setiap hari dan dalam laman Twitter beliau sepanjang masa.

Dr Noor Hisham diiktiraf antara doktor terbaik di dunia oleh China Global TV Network (CGTN) oleh kerana kewibawaan beliau dalam usaha menangani wabak ini.



Semua faktor tersebut membolehkan Malaysia berada dalam kalangan lima negara teratas yang berjaya mengekang penularan mendadak COVID-19.

Kerjasama daripada sebahagian besar rakyat juga memudahkan lagi usaha kerajaan memastikan mereka terpelihara daripada pandemik yang mengorbankan lebih ramai manusia di negara-negara lain.

Sebagai rakyat, marilah kita sama-sama terus berjuang dan bekerjasama bagi memastikan pandemik COVID-19 dapat dikekang sepenuhnya di Malaysia.

Kita boleh melakukannya dengan mematuhi segala arahan dan nasihat yang diberikan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.